



جَابَانِ مُفْتَنَسِي قَمَعٌ

TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 05/2025



**“PENGUATKUASAAN KESELAMATAN JALAN RAYA
TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**
9 MEI 2025 | 11 ZULKAEDAH 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
 أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
 اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
 أَمَّا بَعْدُ،
 فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Mimbar pada hari ini akan membicarakan tajuk “**Penguatkuasaan Keselamatan Jalan Raya Tanggungjawab Bersama**”.



"Penguatkuasaan keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama" bermaksud keselamatan di jalan raya tidak hanya terletak pada pihak berkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta agensi penguatkuasaan lain, tetapi juga melibatkan setiap individu yang menggunakan jalan raya, termasuk pemandu, penunggang, pejalan kaki dan pengguna lain. Kita perlu memainkan peranan untuk memastikan keselamatan jalan raya dengan mematuhi peraturan lalu lintas, memandu dengan berhemah, dan sentiasa mempunyai sikap bertanggungjawab.

Pihak berkuasa mempunyai fungsi untuk memantau dan memastikan peraturan dipatuhi dan mengambil tindakan terhadap pelanggaran undang-undang. Namun demikian, masyarakat juga perlu sentiasa peka dan berusaha untuk mengurangkan risiko kemalangan.

Laporan media massa ketika ini, menyatakan isu kemalangan jalan raya adalah antara penyebab terbesar kepada kematian. Sikap pengguna yang tidak mengendahkan undang-undang di jalan raya menjadi penyumbang utama kepada peningkatan kadar kemalangan maut sepanjang tahun.



Berdasarkan data Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT), Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 5,939 kematian telah dicatatkan daripada Januari sehingga November 2024 daripada lebih setengah juta kemalangan yang berlaku.

Pengguna jalan raya mempunyai tanggungjawab yang besar untuk sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas sepanjang masa dan tidak sepatusnya bergantung semata-mata kepada agensi penguatkuasaan untuk menguatkuaskan undang-undang.

Secara keseluruhannya, ini adalah usaha bersama untuk memastikan jalan raya selamat dan bebas daripada kecelakaan, yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang, kesedaran, dan sikap bertanggungjawab setiap individu.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Prinsip Maqasid Syariah iaitu hifzun nafsi secara literal bermaksud “penjagaan nyawa” amat diambil berat dalam Islam. Maka kita sebagai hamba Allah di dunia ini wajib menjaga dan memelihara nyawa walau di mana kita berada lebih-lebih lagi semasa di jalan raya.

Firman Allah Taala dalam surah Al-Ma''idah, ayat 32:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مِنْ أَجْلِ ذَلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنَّهُ مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَانَتْ مِنْ قَتْلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَانَمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا^١

Yang bermaksud: “Oleh kerana itu Kami tetapkan (suatu hukum) bagi Bani Israil, bahawa: barangsiapa yang membunuh seorang manusia, bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain, atau bukan kerana membuat kerosakan dimuka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya. Dan barangsiapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia semuanya.”

Ayat ini mengingatkan kita bahawa nyawa manusia sangat berharga. Dalam konteks jalan raya, ia mengingatkan kita untuk sentiasa memandu dengan berhati-hati dan bertanggungjawab, kerana sebarang kecuaian tindakan kita boleh mengancam nyawa orang lain.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari JPJ ke-79, marilah kita mendoakan seluruh warga kerja Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dikurniakan kesihatan dan keselamatan sewaktu melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan. Semoga mereka dapat menjalankan tugasan mereka dengan penuh integriti dan amanah. Tugas penguatkuasaan sebegini merupakan suatu tonggak hisbah (penguatkuasaan) dalam sebuah negara.

Mimbar juga ingin mengingatkan para jemaah sekalian agar menghormati tugas penguatkuasaan ini dan turut sama membantu pihak JPJ dan agensi penguatkuasaan yang lain dalam meningkatkan keselamatan jalan raya dengan menghayati saranan berikut:

Pertama: Marilah kita bersama menghargai nyawa yang diberikan oleh Allah SWT dengan mengelak diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan dan memudaratkan kehidupan.



Kedua: Beradab dan bersopanlah ketika berada di jalan raya dengan mematuhi undang- undang dan peraturan jalan raya.

Ketiga: Janganlah mementingkan diri sendiri ketika menggunakan jalan raya bahkan hendaklah menghormati dan bertolak ansur terhadap pengguna yang lain.

Keempat: Kita disunatkan sentiasa memohon perlindungan daripada Allah Taala ketika berkenderaan dengan berdoa:

سُبْحَنَ اللَّهِيْ سَخَرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ

Yang bermaksud: “Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kepada Tuhan kamilah, kami akan kembali!”

Kaum muslimin yang berbahagia,

Kita semua hendaklah berusaha dengan pelbagai cara untuk mengurangkan risiko kemalangan jalan raya bagi mengurangkan jumlah kematian dan kemalangan yang kian meningkat. Sesungguhnya menjaga keselamatan diri serta orang lain ketika memandu kenderaan adalah perbuatan yang dituntut oleh Islam.

Rasulullah SAW bersabda dalam hadis riwayat Imam Ibnu Majah :

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Yang bermaksud: “Janganlah kamu melakukan perkara mudarat, dan tidak melakukan perkara yang memudaratkan.”

Hadis ini mengajar kita untuk menghindari segala bentuk tindakan yang bahaya dan boleh membahayakan diri kita dan orang lain. Dalam konteks jalan raya, ia merujuk kepada pentingnya mematuhi peraturan jalan raya dan mengutamakan keselamatan dalam setiap tindakan kita ketika memandu atau berada di jalan raya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita semua memastikan perkara-perkara berikut:

Pertama, semua pihak wajib memainkan peranan bagi memastikan keselamatan ketika berada di jalan raya.

Kedua, ingatlah memelihara nyawa merupakan salah satu maksud terbesar dalam pensyariatan Islam.

Ketiga, tanggungjawab penguatkuasaan hendaklah dijalankan dengan integriti dan amanah serta merupakan satu tugas penting dalam hidup bernegara. Kita hendaklah menghormati tugas penguatkuasaan sebegini.

Keempat, pastikan diri kita tidak melakukan perkara yang mudarat, atau perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan orang lain.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَأَنفَقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيهِمْ إِلَى الْتَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ

الْمُحْسِنِينَ ١٩٥

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلاؤَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.